

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : RAIME BIN UNGGI
KAWASAN : TENOM
TARIKH : 3 OGOS 2017
NO. SOALAN : 11

SOALAN

YB. Raime Bin Unggi [Tenom] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jangkauan pasaran ASEAN bagi PROTON untuk memasarkan keretanya susulan perjanjian perkongsian strategik dengan Geely Holding Group Co Ltd. China dan bilakah Proton akan melancarkan kenderaan SUV pertama.

JAWAPAN

Perjanjian kerjasama strategik yang telah ditandatangani oleh PROTON yang melibatkan penjualan 49.9% pegangan saham kepada syarikat Geely dari negara China pada 23 Jun 2017 amat penting dalam usaha untuk mencapai transformasi bagi memulihkan prestasi perniagaan PROTON. Ianya juga membuktikan komitmen PROTON bagi menjayakan pelan pemulihannya selain memenuhi syarat pinjaman mudah RM1.5 bilion yang diluluskan Kerajaan.

Melalui perjanjian perkongsian strategik dengan Geely, PROTON dijangka dapat meningkatkan pengeluaran dan penjualan kenderaannya kepada 500,000 unit setahun dalam tempoh sepuluh tahun bagi pasaran

sedunia termasuk rantau ASEAN. Antara inisiatif yang akan dilaksanakan termasuk:

- (a) menjalankan operasi domestik yang lebih besar yang membawa kepada skala ekonomi (*economies-of-scale*) yang lebih berdaya maju;
- (b) memperluaskan pasaran dengan menembusi pasaran sedia ada Geely di China, rantau ASEAN, Timur Tengah dan Afrika Utara bagi membolehkan PROTON meningkatkan jualan kepada 500,000 unit setahun; dan
- (c) menjadikan PROTON sebagai pusat pembuatan model-model Geely bagi pemanduan sebelah kanan (*right-hand drive*);

Berkenaan dengan pembangunan SUV pertama, PROTON dan Geely masih dalam proses penilaian teknikal dan komersil untuk memastikan pelancaran kenderaan tersebut menepati piawaian, spesifikasi dan kehendak pelanggan. Walau bagaimanapun, masih tiada tarikh yang dapat ditetapkan oleh PROTON buat masa ini bagi pelancaran SUV pertamanya.